

## **Implimentasi Program Pendidikan Terapi Al-Quran Dan Ibadah Dalam Kalangan Pelajar Autisme Di Akademi Al-Quran Ar-Rayyan**

*Implementation of the Quran and Ibadah Therapy Education Program Among Autistic Students at Ar-Rayyan Quran Academy*

**Ahmad Zulfiqar Shah bin Abdul Hadi\*<sup>1</sup>, Masturina Binti Zulkifeli<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Department of Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

<sup>2</sup>Student, Bachelor of Education (Islamic Education) Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

\*Corresponding author: [zulfiqar@fsk.upsi.edu.my](mailto:zulfiqar@fsk.upsi.edu.my)

Received: 13 Jun 2024; Accepted: 16 July 2024; Published: 20 October 2024

**To cite this article (APA):** Abdul Hadi, A. Z. S., & Zulkifeli, M. (2024). The Implementation of the Quran and Ibadah Therapy Education Program Among Autistic Students at Ar-Rayyan Quran Academy. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(2), 96–109. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.2.8.2024>

### **Abstrak**

Program Pendidikan Terapi Al-Quran dan Ibadah dalam kalangan pelajar autisme merupakan satu inisiatif yang direka untuk membantu pelajar autisme memahami dan menghayati ajaran Al-Quran serta ibadah. Ia dilaksanakan dengan tujuan untuk perkembangan kognitif, emosi, dan spiritual pelajar autisme dengan kaedah yang sesuai dengan kemampuan dan keperluan khas mereka. Ini kerana, kanak-kanak dengan spektrum autisme sering menghadapi pelbagai cabaran dalam pembelajaran tradisional, termasuk dalam pendidikan agama. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pelaksanaan, pendekatan dan keberkesanan strategi yang dilaksanakan bagi kanak-kanak autisme menerusi Program Pendidikan Terapi Al-Quran dan Ibadah yang dilaksanakan oleh Akademi Al Quran Ar-Rayyan (AQR). Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan rekabentuk kajian kes, pengumpulan data menerusi temu bual mendalam dengan guru-guru Al-Quran yang berpengalaman mengajar kanak-kanak autisme, serta pemerhatian langsung dalam kelas-kelas khas. Ia kemudiannya dianalisis secara tematik berdasarkan corak dan dilema. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan Program Pendidikan Terapi Al-Quran dan Ibadah kepada pelajar autisme di AQR memberi impak positif kepada pelajar walaupun terdapat cabaran dan masalah yang dihadapi oleh guru dan pihak sekolah. Pendekatan yang bersifat individualisasi, penggunaan alat bantu teknologi, dan teknik visualisasi dapat meningkatkan pemahaman dan penglibatan kanak-kanak autisme dalam pembelajaran Al-Quran dan ibadah. Selain itu, peranan keluarga dan persekitaran sosial yang menyokong juga sangat penting dalam memastikan kejayaan pembelajaran. Implikasi daripada kajian ini menekankan pentingnya latihan khusus bagi meningkatkan kemahiran pedagogi dan teknik pengajaran guru serta penyediaan sumber yang mencukupi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif. Dengan penerapan strategi yang tepat, kanak-kanak autisme dapat mencapai kemajuan yang signifikan dalam pemahaman dan amalan keagamaan mereka, seterusnya membolehkan mereka menjalani kehidupan spiritual yang lebih bermakna.

**Kata Kunci** : Terapi al-Quran, Pelajar Autisme, Orang Kelainan Upaya (OKU), Pendidikan Khas, Pendidikan Inklusif.

## **Abstract**

The Al-Quran and Worship Therapy Education Program for autistic students is an initiative aimed at helping them understand and appreciate the teachings of the Al-Quran and worship. It focuses on the cognitive, emotional, and spiritual development of autistic students using methods tailored to their abilities and special needs. Children on the autism spectrum often encounter challenges in traditional learning, including religious education. Therefore, this study explores the implementation, approach, and effectiveness of strategies used for autistic children in the Al-Quran Therapy and Worship Education Program at Al-Quran Ar-Rayyan Academy (AQR). The study employed a qualitative method with a case study design, gathering data through in-depth interviews with Al-Quran teachers experienced in teaching children with autism and direct observation in specialized classes. The data was thematically analyzed based on patterns and challenges. The findings indicate that implementing the Al-Quran and Worship Therapy Education Program at AQR positively impacts students despite the difficulties teachers and the school face. Individualized approaches, the use of technology, and visualization techniques can enhance autistic children's understanding and engagement in learning the Al-Quran and worship. Moreover, family support and a nurturing social environment ensure successful learning outcomes. The study underscores the importance of specific training to enhance teachers' pedagogical skills and teaching methods and adequate resources to establish an inclusive learning setting. With the correct application of strategies, autistic children can achieve significant progress in their religious understanding and practice, enabling them to live a more meaningful spiritual life.

**Keywords:** Quran Therapy, Autistic Students, Persons with Disabilities, Special Education, Inclusive Education

## **Pendahuluan**

Kekurangan yang ada pada diri anak-anak autisme menjadikan mereka istimewa dan berkedudukan tinggi di sisi Allah sehingga menjadi penyumbang pahala kepada sesiapa yang menjaganya dengan ikhlas dan amanah. Islam tidak pernah meminta umatnya menyisihkan golongan ini, bahkan perintah supaya santuni dan sebarkan kasih sayang lagi dinyatakan dalam al-Quran. Sebagaimana dalam surah al-Fath, Ayat 17 :

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَنْ يَتَوَلَّ يُعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا

Terjemahannya : *Tidaklah menjadi salah kepada orang buta, orang tempang, dan orang sakit (untuk tidak ikut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya). Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan rasulNya akan dimasukkan-Nya ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan sesiapa yang berpaling akan diazab dengan azab yang sangat pedih.* (Surah Al-Fath (48) : 17)

Autisme merupakan satu gejala penyakit yang berlaku pada seseorang, di mana interaksi sosial mereka terganggu akibat masalah kemahiran berkomunikasi, tingkah laku yang berulang, menyisihkan diri serta mempunyai keinginan terhad terhadap sesuatu benda. Autisme atau nama

klinikalnya, Kecelaruhan Spektrum Autisme (*Autism Spectrum Disorder*) adalah sejenis kecelaruhan dalam perkembangan manusia (Hasnah et. al, 2013). Siti Masidayu (2016) menyatakan menyatakan bahawa kanak-kanak autisme akan mengalami kecelaruhan dalam perkembangannya, seperti masalah dalam berkomunikasi, berinteraksi dengan keadaan sekeliling dan keterampilan sosial yang berbeza. Sindrom autisme berlaku tanpa mengira kaum, pendidikan, kedudukan dan status sosioekonomi (Haziq & Akma 2019). Bilangan kanak-kanak autisme yang didiagnosis di seluruh dunia meningkat setiap tahun (Seeridaram & Rashid, 2023) dan satu daripada 160 kanak-kanak di seluruh dunia didiagnosis tanpa mengetahui punca penyebabnya (Siti Izani et. al, 2018)

Peranan kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1988 telah memulakan kelas perintis untuk murid-murid peringkat rendah bermasalah pembelajaran dan seterusnya ke seluruh Negara (<https://www.moe.gov.my/>). Perkhidmatan dan kemudahan pendidikan khas terhadap golongan berkeperluan khas seperti yang dijelaskan di atas adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996, Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 1997 Bahagian II 3(2)). Akta ini menjelaskan bahawa seseorang murid dengan keperluan khas adalah boleh dididik, jika dia mampu untuk mengurus diri sendiri tanpa bergantung kepada orang lain (Said et. al, 2010). Oleh itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid Pendidikan Khas bagi memenuhi kesesuaian murid, tidak terlalu menekankan akademik dan tidak membebankan murid (<https://bpk.moe.gov.my/>).

Bukan hanya pihak kerajaan, agensi swasta juga turut mengadakan program pendidikan inklusif kepada golongan OKU masalah pembelajaran yang bersesuaian seperti Akademi Al-Quran Ar Rayyan (AQR). Ia diasaskan pada 1 Oktober 2016 oleh Hj. Aidil Fadzil bin Mesran yang merupakan sebuah akademi al-Quran dan ibadah khusus untuk anak-anak istimewa. Penubuhan AQR bertujuan untuk mengambil tanggungjawab fardhu kifayah membantu dan berkhidmat bagi anak-anak OKU Muslim menunaikan tuntutan agama seawal usia persekolahan mereka, meningkatkan kesedaran masyarakat dan bertujuan melahirkan asatizah pakar dan berkemahiran dalam mengajar dan mengendalikan anak-anak OKU. AQR kini beroperasi di tiga buah tempat dalam Malaysia, antaranya ialah Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Kelantan.

## **Permasalahan Kajian**

Kehidupan anak-anak autisme tidak asing daripada kehidupan yang dipenuhi dengan misteri dan rahsia (Norfishah Mat Rabi, 2015). Tingkah laku kebiasaan mereka antaranya adalah mudah menangis, menjerit, mengamuk dan memukul diri sendiri (Hasnah et. al, 2013). Ramai yang menganggap mereka tidak layak bersama dengan pelajar tipikal dalam pengajaran dan pembelajaran kerana mereka dianggap boleh membahayakan pelajar-pelajar lain (Zuraini & Zuliza 2015). Namun, tidak kurang juga kehebatan yang ada pada kanak-kanak autisme seperti dalam aspek ingatan dan menyusun maklumat (Grandin 1995 & William, 1996).

Menurut Wan Nasyrudin & Hisham (2013), kebanyakan kanak-kanak autisme berkelakuan '*hiperaktif*' sewaktu berada di dalam kelas. Tingkah laku *hiperaktif* mereka dikatakan telah mengganggu pelajar lain dan hilang fokus belajar di mana mereka tidak boleh duduk diam dan akan berlari ke sesuatu tempat tanpa arah tujuan. Lebih teruk lagi apabila mereka mula menunjukkan tingkah laku yang agresif, seperti menjerit, memukul dan mencederakan diri sendiri. Hal ini terjadi apabila mereka didedahkan dengan persekitaran yang berbeza berbanding dengan persekitaran yang sering mereka lalui (Nurhayati et. al 2018).

Selain itu, masih ramai guru arus perdana yang mengajar kelas Program Pendidikan Inklusif (PPI) tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman asas berkaitan pendidikan khas serta kaedah pengendalian Murid Berkeperluan Khas (MBK) (Siti Fatimah & Mustafa, 2018). Hal ini akan menyebabkan guru-guru yang terlibat sukar untuk memahami keperluan MBK semasa PdP dijalankan di dalam kelas. Siti Fatimah & Mustafa (2018) juga menyatakan bahawa masih terdapat guru mata pelajaran yang menggunakan teknik dan kaedah PdP yang sama untuk semua murid tanpa mengambil kira tahap keupayaan dan potensi MBK di dalam kelas PPI. Oleh itu, penting bagi guru menggunakan kreativiti, kemahiran, dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang sesuai supaya kanak-kanak autisme dapat belajar seperti pelajar normal.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan rekabentuk kajian kes dengan pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual mendalam dengan guru-guru Al-Quran yang berpengalaman mengajar kanak-kanak autisme, serta pemerhatian langsung dalam kelas-kelas khas. Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif akan melibatkan data berupa naratif (non numerik) atau teks berupa transkrip data daripada temu bual, foto dan video (Kalbin Salim, 2018). Fokus utama kajian yang dilakukan ialah bagi mendapatkan persepsi guru AQR terhadap pelaksanaan, cabaran dan masalah serta keberkesanan Program Pendidikan Terapi Al-Quran Dan Ibadah. Temubual ini melibatkan empat orang tenaga pengajar perempuan yang ditemu bual secara bersemuka. Responden yang dipilih merupakan Penolong Pentadbiran AQR, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK Hem) AQR dan dua orang guru AQR.

Semua data dan maklumat yang diperolehi dianalisis berdasarkan empat jenis iaitu analisis kandungan, analisis pola, analisis dilema dan analisis tematik (Rifhan Qistina et al., 2020). Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis tematik. Menurut Boyatzis (1998) analisis tematik merupakan antara kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012) menyatakan analisis berdasarkan tema paling biasa dan paling banyak digunakan dalam penyelidikan kualitatif berdasarkan tema dapatan kajian.

## **Latar Belakang Kajian**

Autisme merupakan salah satu contoh golongan OKU dalam masalah pembelajaran. Antara ciri yang terdapat pada pelajar autisme ialah bermasalah dalam komunikasi, masalah dalam bersosial serta keterbatasan dalam aktiviti dan minat (Nevid, 2005). Nasib mereka juga sama seperti golongan OKU, dianggap tidak mampu menjalani kehidupan seperti orang biasa, termasuklah mempelajari ilmu agama. Hakikatnya, anak-anak autisme layak diperkenalkan dengan ayat-ayat Allah dan ibadah sepertimana manusia lain (Sinar Harian, 19 Julai 2019). Oleh itu, kaedah pengajaran bagi pelajar autisme tidaklah berbeza dengan pelajar OKU, namun, ada pendekatan yang tersendiri oleh guru-guru mereka. Sebagai contoh, pihak Akademi Remaja Islam Autisme (ARISMA) mewajibkan solat zohor dan solat sunat dhuha dalam jadual harian remaja autisme (Sinar Harian, 19 Julai 2019). Dengan melakukan sebegitu, pelajar dapat mempelajari secara perlahan cara solat, bacaan dalam solat dan tidak mustahil mereka akan mempraktikkannya di rumah masing-masing.

Selain itu, pendekatan agama Islam yang dilaksanakan di Yayasan Faqeh pula apabila pelajar autisme ada melakukan kesalahan, mereka akan diminta untuk beristighfar (Aizat, 2018). Walaupun ada dalam kalangan mereka yang masih tidak mampu berkomunikasi dengan baik,

mereka masih boleh mendengar istighfar yang disebut oleh rakan dan guru. Selain guru, peranan ibu bapa juga boleh memberi pendedahan awal asas agama kepada anak-anak autisme di rumah. Sebagai contoh, pada peringkat awal, ibu bapa boleh menunjukkan contoh yang baik dengan mengajak anak autisme menunaikan solat bersama. Ini secara tidak langsung akan mengajar mereka mengikuti rukun dan cara menunaikan solat (Aizat, 2018).

Menurut Noornajihan et al., (2020), penggunaan ayat al-Quran bagi tujuan ruqyah syariyyah adalah salah satu rawatan alternatif yang boleh diaplikasikan bagi membantu kanak-kanak autisme terutama dalam mengawal emosi kanak-kanak autisme dan menenangkan mereka daripada berlakunya tantrum (Noornajihan Jaafar et al., 2020). Sebelum melaksanakan bacaan ayat ruqyah dari al-Quran, guru dan pelajar perlu mengambil wudhu' dan setelah itu membaca ruqyah yang biasanya dilaksanakan dalam satu bulatan besar yang dibimbing oleh guru. Kajian Evi & Meilan (2017) juga membuktikan yang mana terdapat pengaruh positif apabila diperdengar dan dibacakan ayat al-Quran kepada anak mengalami autisme. Menurut Salmihah Che Mud et al., (2018), al-Quran bukan sahaja bertindak sebagai penawar malah ia juga memberi ketenangan kepada jiwa dan mengurangkan tingkah laku tantrum yang dihadapi oleh anak-anak autisme (Nurul Afisah Hussin et al., 2023). Keajaiban al-Quran juga dapat dilihat menerusi pengalaman yang dikongsikan oleh Teuku Syed Zubaili, pelajarnya yang menghadapi autisme selalu diberi pendidikan al-Quran dapat membaca ayat suci al-Quran dengan fasih sehingga ibu bapanya juga terkejut (Berita Harian, 11 Mei 2016).

Setiap amal ibadah yang dianjurkan oleh Islam seperti solat dan zikir juga mampu menjadi terapi terhadap anak-anak autisme (Syukri et. al, 2018). Zikir itu merujuk kepada perbuatan meningati Allah dengan menyebut kalimah-kalimah thayyibah secara berulang kali dengan lidah atau di dalam hati (Nurhasyimah, 2022). Zikir bukan sahaja mudah diamalkan bahkan dapat mengurangkan tantrum anak-anak autisme (Syukri et. al, 2018). Selain itu, anak-anak autisme wajib diberi pendidikan fardhu ain, al-Quran dan pengurusan emosi (Mufti Wilayah Persekutuan, 5 Oktober 2018). Mohd Rashid, Alias, Jomhari, Mohd Yusoff dan Haris (2017) dalam kajian yang dijalankan pula menjelaskan bahawa orang kelainan upaya perlu diajar Pendidikan al-Quran dan Fardhu Ain (PAFA) dengan menggunakan kaedah bahasa isyarat (BIM) sebagai proses untuk memahami setiap pengajaran dengan baik.

## **Dapatan Kajian Dan Perbincangan**

Akademi Al-Quran Ar Rayyan atau singkatannya AQR merupakan sebuah akademi al-Quran dan ibadah khusus untuk anak-anak istimewa. Pengasas bagi Akademi Al-Quran Ar Rayyan ialah Hj. Aidil Fadzil bin Mesran dan ianya ditubuhkan pada 1 Oktober 2016. Pihak AQR menggunakan modul QurANIS yang dibangunkan oleh Yayasan Faqeh dan singkatan bagi modul tersebut adalah. AQR telah menetapkan empat objektif bagi penubuhan AQR iaitu untuk menunaikan tuntutan fardhu kifayah terhadap golongan OKU muslim khususnya seawal usia persekolahan mereka, untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan memperkasa persepsi 'tidak taklif' yang sewajarnya dirujuk sebagai kelayakan OKU dididik menerima agama, untuk mengisi kelompangan pendidikan spiritual dalam kalangan OKU muslim sesuai dengan gelaran anak syurga dan untuk melahirkan *asatizah* pakar dan berkemahiran dalam menyampaikan ilmu agama dengan meraikan kelainan keupayaan pembelajaran OKU.

Hasil dapatan yang dibincangkan dalam bab ini adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan empat orang responden tenaga pengajar Akademi Al-Quran Ar Rayyan (AQR).

Dapatan kajian dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu bentuk pelaksanaan, cabaran dan masalah serta keberkesanan melaksanakan Program Pendidikan Terapi al-Quran dan Ibadah.

### **Kurikulum dan Pelaksanaan Program Pendidikan Terapi Al-Quran dan Ibadah Bagi Kanak-Kanak Autisme**

Dapatan dalam bahagian ini merangkumi kurikulum (silibus) pengajaran, jadual pengajaran, kaedah pengajaran al-Quran dan Ibadah yang berkesan, kaedah pembelajaran dan penerapan nilai murni dalam diri pelajar. Data diperoleh melalui temubual yang dilakukan bersama responden Penolong Pentadbiran AQR.


1. **Kurikulum Pengajaran (Silibus)** yang diguna digunakan di AQR ialah Kurikulum QurANIS yang merupakan inovatif Pendidikan al-Quran dan Ibadah Anak Istimewa (Kurikulum QurANIS, 2017). Kurikulum ini telah dibangunkan oleh Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) yang merupakan NGO Islam yang memberikan khidmat pendidikan Quran dan Fardu Ain kepada komuniti OKU di Malaysia. Yayasan FAQEH merupakan sebuah institusi pendidikan bagi anak-anak istimewa dalam mempelajari ilmu Qurani yang melibatkan anak-anak istimewa seperti autism, sindrom down, lembab dan hiperaktif. Kurikulum QurANIS merangkumi empat komponen asas iaitu Hafazan, Tilawah al-Quran, Terapi Tahsin Ibadah dan Terapi Alami (Noornajihan, 2022).

Dalam melaksanakan Program Pendidikan Terapi al-Quran dan Ibadah, guru telah diberi tanggungjawab mengajar berdasarkan jadual berikut :

Sesi	Hari	Waktu
Pagi	Isnin hingga Khamis	8: 00 - 11 : 00 atau 9 : 00 - 11 : 00 pagi
Pagi	Jumaat dan Sabtu	8 : 00 - 12 : 00 tengah hari
Petang	Isnin hingga Jumaat	1 : 00 - 3 : 00 atau 3 : 00 - 5 : 00 petang

Jadual 4.2 : Jadual Pengajaran Guru Bagi Pelajar Autisme

2. **Kaedah Pengajaran Al Quran dan Ibadah.** Berdasarkan jawapan temu bual, terdapat tujuh bentuk pengajaran yang diterapkan dalam melaksanakan pengajaran al-Quran dan Ibadah kepada pelajar autisme. Tujuh bentuk tersebut dapat dilihat menerusi rajah di bawah :



Rajah 4.1 : Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang dilaksanakan dalam pelaksanaan Program Pendidikan Terapi al-Quran dan Ibadah di AQR

Manakala dalam proses pengajaran, terdapat 3 kaedah pengajaran al-Quran yang diterapkan iaitu Tahfiz Akhyar, Tilawah Asyraf dan Penulis Wahyu.

- i) Kaedah Tahfiz Akhyar : Sesi penilaian secara umumnya menggunakan pendekatan sama ada melalui *Isyarah*, *Muraja'ah*, *Tasmik* atau *Imlak*. Kaedah yang digunakan ialah; guru akan perengarkan kepada pelajar surah yang ingin dihafal sambil menunjukkan kepada mereka kad ayat. Perbuatan tersebut diulang sehingga pelajar dapat mengenali surah yang akan mereka hafal. Bagi sesi pemantapan. Pelajar akan mula menghafaz surah yang telah pun diperdengarkan dan diperlihatkan oleh guru.

Kaedah hafazan bagi pelajar verbal dan non-verbal adalah berbeza. Bagi pelajar verbal kaedah hafazannya menerusi dua cara iaitu hafazan secara sebutan separa dan Hafazan secara sebutan penuh. Manakala bagi pelajar non-verbal, kaedah hafazannya perlu melalui lima peringkat :

Peringkat	Kaedah Hafazan	Huraian
Pertama	Secara Padanan	Pelajar diberikan kad ayat untuk dipadankan ayat yang sama
Kedua	Secara Susunan Bernombor	Pelajar akan menyusun kad ayat dengan susunan yang betul berdasarkan nombor yang diberi
Ketiga	Secara Susunan Biasa	Pelajar akan menyusun kad ayat dengan susunan betul tanpa berpandu pada nombor
Keempat	Secara Penulisan	Bagi pelajar yang mampu menulis, mereka akan diajar untuk menulis ayat hafazan.
Kelima	Secara Sebutan Separa	Pelajar digalakkan menyebut ayat hafazan tanpa ditekankan soal hukum tajwid (mengikut kemampuan pelajar).

Jadual 4.3 : Bentuk Hafazan Bagi Pelajar Autisme Non-Verbal

- ii) Kaedah Tilawah Asyraf yang perlu dilalui oleh setiap pelajar autisme. Lima peringkat itu adalah sebagaimana berikut :

Peringkat	Kaedah Tilawah	Huraian
Pertama	Tilawah berdasarkan hafazan	Pecahan huruf daripada hafazan.
Kedua	Mengenali bentuk huruf daripada hafazan	Pelajar dapat mengenali sama ada huruf daripada hafazan berbentuk tunggal atau bersambung.
Ketiga	Mengenali tanda baris (1)	Tanda baris (1) ini merangkumi baris atas, bawah, depan, dua atas, dua bawah dan dua depan.
Keempat	Mengenali tanda baris (2)	Tanda baris (2) ini merangkumi sukun dan syaddah.
Kelima	Membaca dua perkataan yang bersambung	Bacaan huruf yang bersambung antara kalimah dengan kalimah yang lain.

- iii) Kaedah Penulis Wahyu (KPW). Terdapat tiga kaedah asas yang digunakan dalam KPW ialah : Mengenali Mushaf al- Quran, Melatih penulisan (Rasm) dan Pengulangan (Tikrar). Ia akan melalui lima fasa penulisan dalam KPW ialah fasa pra tulis, menangkap, menyurih, menyalin dan menulis.

3. **Penerapan Nilai Murni Dalam Diri Pelajar Autisme.** Usaha penerapan nilai murni berasaskan al-Quran merupakan satu peluang keemasan yang wajar dimanfaatkan oleh guru-guru untuk membentuk akhlak mulia pelajar seperti yang diajarkan oleh al-Quran (Nabiroh Kassim, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof & Ab. Halim Tamuri, 2014). Berdasarkan jawapan temu bual, terdapat dua cara guru menerapkan nilai murni sepanjang PdP dan terdapat dua nilai murni yang boleh dilihat dalam diri pelajar autisme sepanjang PdP dijalankan. Dua cara guru menerapkan nilai murni kepada pelajar sepanjang PdP ialah :

- i) Guru mendidik pelajar autisme supaya selalu mengingati Allah dengan berzikir ketika mengamuk (tantrum). Ini sebagaimana dinyatakan oleh responden 1 :

*“Di AQR, kami didik pelajar supaya berzikir jika mereka mula rasa ingin mengamuk. Dari situ, mereka dapat kurangkan behaviour dan mereka boleh mengenal pencipta. Sebagai contoh, diorang tahu Allah, tahu Asmaul Husna. Contohnya Habib, kalau dia mengamuk dia akan sebut “Allah, Allah, Allah.”*

- ii) Guru mengingatkan pelajar dengan waktu solat dan membimbing mereka solat. Ini sebagaimana dinyatakan oleh responden 3 :

*“Kami selalu mengingatkan mereka dengan waktu solat dan bimbing mereka solat. Sehingga ada pelajar alert dengan waktu solat. Kalau dengar azan, dia akan terus ambil sejadah dan berikan kepada guru. Kalau guru solat, dia akan ikut dari belakang, walaupun tak boleh baca dia akan ikut sujud dan ruku’.”*

Bagi tujuan penerapan nilai murni Akademi Al Quran Ar Rayyan turut pelbagaikan program kepada pelajar autisme. Antara program lain yang melibatkan pelajar autisme selain Program Pendidikan Terapi Al Quran dan Ibadah ialah Simulasi Haji Cilik,



## Pertandingan Nyanyian Lagu Dakwah, Pertandingan Hafazan Pertandingan Taranum dan Majlis Khatam al-Quran.

### Masalah dan Cabaran Dalam Pelaksanaan Program Pendidikan Terapi Al-Quran dan Ibadah

Berdasarkan temu bual terdapat tiga (3) masalah dan empat (4) cabaran yang dihadapi oleh pihak guru dalam mengendalikan Program Pendidikan Terapi Al-Quran dan Ibadah. Tiga masalah yang perlu diatasi ialah:

- i) Mengenali dan menyesuaikan diri dengan pelajar autisme. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Responden 1 : *“Masalah nak sesuaikan diri dengan mereka. Masalahnya ialah digigit dan ditampar oleh pelajar. Saya sedang duduk diam mengajar pelajar lain, ada sorang pelajar datang gigit dan tampar secara tiba-tiba. Saya cuba untuk mengawal kemarahan dan sabar dengan berkata kepada pelajar “Janganlah macam ni.”*
- ii) Mengajar pelajar autisme sehingga mereka faham. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Responden 2 : *“Masalah nak kenal dengan anak autisme. Macam mana nak ajar mereka sehingga faham, kadangkala saya banyak gunakan bantuan teknologi seperti tab dan tengok video pada LCD untuk tarik perhatian mereka”.*
- iii) Menarik perhatian pelajar autisme (hiperaktif) supaya fokus terhadap PdP yang dilaksanakan. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Responden 4 : *“Masalah kita ialah nak attract diorang supaya diorang fokus dengan kita. Masalah nak attract tu, mereka mula mengamuk (tantrum). Masalah lain apabila behaviour diorang tidak terkawal.”*

Tiga masalah yang dikemukakan oleh responden guru merupakan masalah yang biasa dihadapi oleh guru dalam mengendalikan kelas melibatkan masalah pembelajaran. Oleh sebab itu, sebagai guru pendidikan khas mereka perlu sentiasa bersikap positif, sabar dan peka dalam berinteraksi dengan pelajar autism. Ia penting supaya menjadikan guru lebih bersedia berhadapan dengan kesukaran dan cabaran dalam membentuk tingkah laku murid yang diingini (Abdullah Sani, 2005).

Manakala terdapat empat cabaran yang dikemukakan dan yang guru perlu hadapi adalah:

- i) Kreativiti dalam PdP yang dilaksanakan. Sebagai contoh, guru harus melompat dan meraung sebagaimana pelajar lakukannya ketika PdP. Ini dinyatakan oleh Responden 2 iaitu : *“Cabaran nak ajar mereka kena guna kreativiti sendiri. Sebagai contoh, kena lompat, meraung macam diorang”.*
- ii) Berhadapan dengan ibu bapa yang menyerahkan sepenuhnya kepada guru untuk mengubah anak mereka. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Responden 1 : *“Antara cabaran lain ialah cara nak fahamkan ibu bapa yang anak dia boleh dan kita sebagai ibu bapa kena banyak bagi masa. Lagi bermasalah bila ibu bapa datang “Ustazah boleh tak ubah anak saya jadi normal?” Saya akan cakap “Saya tak mampu nak ubah, hanya Allah sahaja yang dapat ubah.”*
- iii) Pelajar tidak fokus terhadap PdP. Contohnya pelajar melilau, bertindak tantrum dan hiperaktif ketika guru sedang mengajar. Responden 3 menyatakan; *“Cabaran untuk mengajar pelajar autisme apabila melibatkan budak autisme, pengajaran one to one harus dilaksanakan. Kita tidak boleh mengajar mereka dalam keadaan serentak macam sekolah. Sebagai contoh, seorang pelajar jenis hiperaktif tidak boleh duduk*

- diam sewaktu PdP berlangsung. Dia akan melilau-lilau dan guru yang harus memanggil dia untuk belajar. Kita harus memanggil mereka dengan cara yang elok.”
- iv) Perubahan mood pelajar yang tak dijangka. Responden 4 menyatakan; “*Contohnya pada waktu pagi, mood dia okay. Tapi bila waktu petang, dia mula tantrum. Cabaran dekat situ, kena pujuk diorang, kena peluk bagitahu kenapa mak lambat, ayah lambat. Tapi kalau jenis yang tak boleh bercakap, kita kena usap dan peluk mereka.*”

### **Keberkesanan Program Pendidikan Terapi Al-Quran dan Ibadah**

Mengukur keberkesanan program amatlah penting bagi sesebuah institusi yang ingin mengenalpasti kekuatan dan kelemahan program yang telah dilaksanakan. Berdasarkan temu bual, terdapat tiga bentuk keberkesanan dan kejayaan Program Pendidikan Terapi al-Quran dan Ibadah ke atas pelajar autisme:

- i) Pelajar peka pada waktu solat dan mampu solat tanpa bimbingan guru. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Responden 1 : “*Untuk solat, mereka boleh solat dengan sendiri. Ada yang akan ambil sejadah ketika waktu solat*”.
- ii) Pelajar berjaya hafaz al-Quran. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh guru sebagaimana berikut :  
Responden 1 : *Di AQR, ramai autisme yang boleh baca Quran, menghafal Quran. Ada yang boleh baca Surah Al Baqarah, Al Imran, Al Nisa, Sejadah, Al Mulk dan Al Muzammil.*  
Responden 2 : “*Mereka sangat istimewa. Contohnya sorang student pada awalnya nampak macam tak mampu ikut belajar, tapi dia sebenarnya boleh menghafal Surah Al-Ikhlash, Al-Falaq sampai sekarang Surah Al-Qari’ah.*”  
Responden 3: “*Sorang pelajar bernama Umar, dia tak pernah baca al-Quran dan tidak didedahkan untuk menghafal. Dia tak boleh bercakap jugak, sebab lidah dia macam terkeluar sikit dari mulut, air liur pun selalu meleleh. Kini dia dah boleh hafal 15 surah dalam masa setahun. Ada yang boleh hafal 10 ayat, ada yang boleh sambung ayat bila kita baca.*”
- iii) Berjaya dalam pertandingan pertandingan taranum al-Quran. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Responden 1 : “*Ada 2 orang pelajar kita menang johan taranum dan nyanyian lagu dakwah pendidikan khas peringkat daerah.*”

Keberkesanan Program Pendidikan Terapi al-Quran dan Ibadah dalam kalangan pelajar autisme telah terbukti melalui beberapa pencapaian yang signifikan. Kejayaan ini menunjukkan kekuatan program dalam membentuk perkembangan spiritual dan intelektual pelajar autisme.

### **Implikasi Kajian**

Implikasi kajian bagi anak-anak autisme dalam pembelajaran Al-Quran dan ibadah adalah penting untuk difahami bagi memastikan kejayaan dan kesejahteraan mereka dalam pendidikan agama. Berikut adalah beberapa implikasi utama yang telah dikenalpasti:

1. **Peranan Keluarga:** Keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam menyokong pembelajaran anak-anak autisme. Kerjasama antara guru dan ibu bapa dapat membantu memastikan amalan dan pembelajaran agama diteruskan di rumah. Justeru, keberkesanan Program Pendidikan Terapi Al Quran dan Ibadah yang dilaksanakan di

sekolah perlu disokong dengan kesedaran ibu bapa tentang anak autisme. Misalnya keberkesanan dari segi pelajar autisme dapat solat tanpa bimbingan guru. Dari situ, ibu bapa akan mula bersemangat untuk menghantar anak mereka ke pusat terapi atau mana-mana agensi swasta. Ini kerana, majoriti ibu bapa memahami anak autisme itu mengalami kesukaran dalam berkomunikasi dan tingkah laku. Jadi, apabila ada anak autisme di AQR yang mampu menunaikan solat tanpa bantuan orang lain, ia merupakan impak yang besar kepada ibu bapa. Itu juga merupakan pencapaian yang diidamkan oleh setiap ibu bapa yang memiliki anak autisme.

2. **Persekitaran Pembelajaran yang Inklusif:** Sekolah dan pusat pembelajaran perlu menyediakan persekitaran yang inklusif yang menerima dan menyokong kanak-kanak autisme. Ini termasuk latihan khas untuk guru, sumber daya yang mencukupi, dan sikap yang positif terhadap kepelbagaian dalam kelas.
3. **Latihan dan Pembangunan Profesional Guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas):** Pihak Kementerian Pendidikan (KPM) perlu lebih banyak melantik dan memberikan latihan khusus dan berterusan bagi Guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas). Ini termasuk teknik-teknik pengajaran yang berkesan, pengurusan tingkah laku, dan cara-cara untuk memotivasi pelajar autisme khususnya tentang kefahaman dan pelaksanaan dalam agama Islam. Dengan melantik opsyen Guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) yang sesuai dengan major pengajian mereka di universiti akan memberikan impak pengajaran yang lebih berkesan.
4. **Pendekatan Individualisasi, Alat Bantu Teknologi serta Teknik Visualisasi:** Penyesuaian kaedah pengajaran untuk memenuhi keperluan unik setiap individu adalah penting bagi keperluan unik setiap kanak-kanak autisme. Guru-guru perlu memahami kekuatan dan kelemahan setiap pelajar untuk menyediakan pembelajaran yang lebih efektif dan bermakna. Alat bantu teknologi seperti aplikasi interaktif, audio-visual, dan perisian pendidikan khusus dapat membantu meningkatkan pemahaman dan penglibatan kanak-kanak autisme dalam pembelajaran Al-Quran dan ibadah. Penggunaan gambar, video, dan bahan-bahan visual lain dapat membantu menjelaskan konsep-konsep agama yang kompleks dengan cara yang lebih mudah difahami oleh kanak-kanak autisme.
5. **Penyelidikan Berterusan:** Penyelidikan yang berterusan diperlukan untuk terus memperbaiki dan menyesuaikan program pembelajaran Al-Quran dan Ibadah bagi kanak-kanak autisme. Ini termasuk kajian mengenai kaedah-kaedah baru, alat bantu pendidikan, dan pendekatan pedagogi yang lebih berkesan.
6. **Peranan Masyarakat:** Masyarakat bukan sahaja perlu lebih prihatin terhadap anak-anak autisme, bahkan mengubah layanan masyarakat terhadap ibu bapa bagi kanak-kanak autisme. Hal ini disokong oleh pandangan oleh Zainoriza Zainun et al., (2019) bahawa layanan masyarakat terhadap ibu bapa bagi kanak-kanak autisme sering bersifat memerli dan menyisihkan sehingga boleh menyebabkan tekanan dalam diri ibu bapa tersebut.

## Kesimpulan

Anak-anak dengan spektrum autisme menghadapi pelbagai cabaran unik yang memerlukan strategi pengajaran yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan mereka. Melalui penggunaan pendekatan individualisasi, teknologi pendidikan, dan teknik visualisasi, serta sokongan keluarga dan persekitaran sosial yang inklusif, anak-anak autisme dapat mencapai kemajuan yang signifikan dalam pemahaman dan amalan keagamaan mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan Program Pendidikan Terapi Al-Quran dan Ibadah di Akademi Al Quran Ar-Rayyan (AQR) memberi impak positif kepada pelajar autisme, walaupun terdapat cabaran yang perlu diatasi oleh guru dan pihak sekolah. Ia terbukti berkesan dalam membantu pelajar autisme dalam meningkatkan keupayaan mereka dalam memahami Islam dan sekaligus akan membantu

tanggung jawab ibu bapa terhadap anak autism. Keberkesanan program ini juga menggariskan perlunya latihan khusus bagi guru-guru dalam meningkatkan kemahiran pedagogi mereka serta penyediaan sumber yang mencukupi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif. Justeru, penerapan strategi yang tepat dan sokongan yang berterusan, anak-anak autisme dapat mengembangkan pemahaman dan amalan agama yang lebih mendalam, membolehkan mereka menjalani kehidupan spiritual yang lebih bermakna dan seimbang. Kajian ini juga menekankan pentingnya penyelidikan berterusan untuk memperbaiki program pembelajaran Al-Quran dan ibadah bagi kanak-kanak autisme, memastikan mereka mendapat peluang yang adil dan menyeluruh dalam pendidikan agama.

## **Rujukan**

- Abdullah Sani Yahaya. 2005. *Mengurus Disiplin Pelajar*. Pahang : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Berita Harian. Al-Quran Sinari Hidup Zubaili Sejak Zaman Kanak-Kanak. Dicapai pada 15 November 2023, di <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/05/152350/al-quran-sinari-hidup-zubaili-sejak-zaman-kanak-kanak>
- Boyatzis, Richard E. (1998) *Transforming Qualitative Information; Thematic Analysis and Code Development*. London: Sage Publication.
- Chamalah, Evi dan Meilan Arsanti (2017). Al-Quran Speech Therapy for Children with Autism. *Jurnal Pendidikan Humaniora*. 5(2):58-63.
- Grandin, T. (1995). How people with autism think. In E. Schopler & G. B. Mesibov (Eds.), *Learning and cognition in autism* (pp. 137–156). Plenum Press.
- Hasnah Toran, Salmiah Bujang & Fadliana Chiri. (2013). *Pengajaran Berstruktur*. Malaysia : Penerbit UKM. 11.
- Kalbin Salim. (2018). Pengantar Kajian Kualitatif. *Pengolahan Data Kualitatif Dengan NVivo 12*. (pp. 2-12). Malaysia : Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kertas Kerja, Institusi Pendidikan Guru Malaysia, Johor Bahru.
- Mohd Aizat Shamsuddin. (2018). Anak Autisme Perlu Didikan Agama. Dicapai pada 19 November 2023, di <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20180928/282076277798671>
- Mohd Syukri Zainal Abidin, Che Zarrina Sa'ari & Mohammad Hilmi Abdul Rahman. (2018 B). Cadangan Modul Zikir Untuk Amalan Kanak-Kanak Autistik Muslim. *Online Journal Research in Islamic Studies*. Jil. 4. Bil. 2. Malaysia : Universiti Malaya.
- Mohd. Said, Mohd. Rizal and Arshad, Muallimah (2010) *Masalah Guru Pendidikan Khas Program Integrasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah, Daerah Kota Tinggi, Johor*. Hal. 1-8.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2018). Bayan Linnas Siri Ke-150 : Fiqh dan Penyelesaian Isu Autisme. Dicapai pada 17 November 2023, di <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2642-bayan-linnas-siri-ke-150-fiqh-dan-penyelesaian-isu-autisme-2?templateStyle=17>
- Muhammad Haziq Mohd Sharif & Nurul Akma Jamil (2019) *Cabaran Ibu Bapa Bersama Kanak-Kanak Kecelaruan Spektrum Autisme (Asd): Tinjauan Literatur*. *Jurnal Sains Sosial : Malaysian Journal of Social Science*. Jilid. 4 (1) 2019: 33-43
- [Nevid, Jeffrey S](#); [Rathus, Spencer A](#); [Greene, Beverly](#) 2005. *Abnormal psychology in a changing world*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall
- Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, Nik Ahmad Farid Nik Shabery & Nurutthoilah Mohd Nabil. (2022). *Inspirasi Dakwah Bagi Oku Dari Kisah Ibnu Ummi Maktum* :

- Pengalaman di Yayasan Faqeh. The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2020), USIM, Negeri Sembilan.
- Noornajihan Jaafar, Rezki Perdani Sawai, Joki Perdani Sawai & Siti Ramna Kamarududin. (2020). Ruqyah Syariyyah Dan Regulasi Emosi Anak-Anak Autisme. Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN), USIM, Negeri Sembilan.
- Norfishah Mat Rabi. (2015). Rahsia Dan Keunikan Personaliti Kanak-Kanak Autistik Di Malaysia (Penerbit USM). Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia Press.
- Nurhasyimah Mohd Salleh. (2022). Intervensi Amalan Zikir dan Analisis Kesejahteraan Subjektif Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas dan Inklusif. Jil. 1. Melaka : T.P.
- Nurhayati Syazwani Zulkafli, Latifah Abdul Majid & Hamdi Ishak. (2018). Inovasi Perubahan Melalui Terapi al-Quran Terhadap Kanak-Kanak Autisme. Dalam Jurnal al-Turath. Jil. 3. Bil. 2. Selangor: UKM.
- Nurul Afisah Hussin, Izuli Dzulkifli, Haziyah Hussin & Hamdi Ishak. (2023). Sorotan Literatur Bersistematik Kesan Bacaan al-Quran Sebagai Terapi Kepada Orang Kurang Upaya. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. 7 December 2023. Jil. 7. T.T.P : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salmihah Che Mud, Fariza Md Sham, Manisah Mohd Ali & Zuliza Mohd Kusrin. (2018). Kepentingan Pengajaran al-Quran Untuk Perkembangan Psikologi Anak- Anak Autisme. Dalam International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled. Jun. Jil. 4. Selangor : UKM.
- Seeridaram, A., & Rashid, S. M. M. (2023). The Impact of Pressure Upon Parents in Raising Children Diagnosed with Autism Spectrum Disorders. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 13(1), 940 – 953.
- Sinar Harian. Usah Nafikan Hak Anak Autisme Pelajari Ilmu Allah. Dicapai pada 17 November 2023, di <https://www.sinarharian.com.my/article/38550/sinar-islam/usah-nafikan-hak-anak-autisme-pelajari-ilmu-allah>
- Siti Fatimah Salleh & Mustafa Che Omar. (2018). Masalah Pengajaran Guru Dalam Program Pendidikan Inklusif di Sekolah. Dalam Asian People Jurnal. Jil. 1. Bil.2. Kelantan : UNISZA.
- Siti Izani, I., Sathya, M., & Anis, S. R. (2017). Pembangunan perisian aplikasi bagi kanak-kanak autistik: Pendekatan pembelajaran di rumah. Advanced Journal of Technical and Vocational Education, 1(1), 230-239.
- Siti Masidayu Jaafar Shah, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar (2016) Mengubahsuaikan Tingkah Laku Murid Autisme Yang Suka Keluar Kelas Semasa Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Menggunakan Kaedah Peneguhan Positif Menerusi Pujian dan Ganjaran. Seminar Modifikasi Tingkah Laku Murid Pendidikan Khas (Bermasalah Pembelajaran) Peringkat Negeri Johor. At: JPN Negeri Johor. Volume: 1.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Hisham Bin Ahmad. 2013. Aku Bersyukur Anakku Autisme. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Williams, D. (1996) Autism: An Inside-Out Approach. London: Jessica Kingsley.
- Zainoriza Zainun, Abdul Halim Masnan, AHmad Zulfadli Ahmad Bakri, Asiah @ Nursyahira Jupari @ Jupry, Siti Aishah Aspani, Nurul Aini Hassan & Zalizah Zawawi. (2019). Pengetahuan, Sikap dan Persepsi Masyarakat Tentang Kanak- Kanak *Autism Spectrum Disorder* (ASD). Dalam Southeast Asia Early Childhood Journal. Jil. 8. Bil. 1. Perak : UPSI.
- Zuraini Yaakub Zuliza Mohd Kusrin (2015) Amalan Intervensi terhadap Perilaku Seksual Remaja *Autistic Spectrum Disorders* (ASD) oleh Guru Program Pendidikan Khas Intergrasi

(PPKI) Menurut Syarak. ISLAMIYYAT 37(2) 2015: 163 - 172  
(<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2015-3702-08>)